



**KEMENTERIAN KEWANGAN
KENYATAAN AKHBAR MENGENAI
PELAKSANAAN SUTERA LANE MERCHANT SCHEME**

1. Kementerian Kewangan sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pelaksanaan program pengiktirafan pelanggan yang dikenali sebagai *Sutera Lane Merchant Scheme* (SLMS) yang akan memberikan kemudahan perdagangan selaras dengan piawaian konsep *Authorised Economic Operator* (AEO), sepertimana yang diiktirafkan oleh *World Customs Organizations* (WCO). Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan persekitaran perdagangan yang kondusif bagi mendukung visi negara ke arah memudahkan golongan peniaga (*business community*) untuk menjalankan perniagaan di Negara ini. Program ini akan berkuatkuasa mulai **2hb September 2017**.
2. Program ini akan menggalakkan peningkatan tahap pematuhan pengimport, pengeksport atau ejen kastam terhadap prosedur, peraturan dan perundungan yang berkuatkuasa di Negara ini, dengan menawarkan kemudahan-kemudahan seperti:
 - a. Dipercepatkan dan diberikan keutamaan proses kelulusan permit import dan eksport oleh agensi-agensi yang berkepentingan dalam mengeluarkan permit import dan eksport;
 - b. Dipercepatkan dan diberikan keutamaan proses kelulusan deklarasi kastam (*customs declaration*) dan juga proses pengeluaran dan pelepasan daripada Pelabuhan Muara;
 - c. Pemeriksaan kontena-kontena atau kargo dilakukan di premis *Operator SLMS* (jika diperlukan); dan
 - d. Diberikan kebenaran untuk menunda pembayaran (*deferred payment*) cukai import dan cukai eksais.
3. Syarikat-syarikat yang berhasrat untuk menyertai program SLMS boleh menghubungi terus ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja melalui talian 2382333 atau melalui email slms@customs.gov.bn bagi maklumat lanjut mengenai tatacara permohonan dan pelaksanaan SLMS.

Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

